

<https://news.usm.my>

Berita Mutakhir

## 29 SEP USM, CMU JALIN KERJASAMA DALAM BIDANG KEJURUTERAAN



NIBONG TEBAL, 29 September 2016 – Universiti Sains Malaysia (USM) dan Chiang Mai University (CMU), Thailand sepakat jalin kerjasama dalam bidang akademik dan penyelidikan bagi meningkatkan kecemerlangan institusi serta hubungan baik kedua-dua buah negara.

Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik, Profesor Dr. Zainal Alimuddin Zainal Alauddin berkata, USM sudah lama menjalinkan hubungan rapat dengan institusi pendidikan tinggi Thailand melalui jaringan akademik dan penyelidikan antaranya dengan Prince of Songkla Universiti (PSU).

Beliau yang mewakili Penolong Naib Canselor/Pengarah Kampus Kejuruteraan mengalu-alukan delegasi dari negara jiran seramai enam orang yang terdiri daripada pensyarah bidang kejuruteraan dalam lawatan pertama mereka di sini semalam.



"Banyak persamaan yang wujud antara USM dan CMU hasil daripada lawatan serta perbincangan pada hari ini," kata Zainal.

"Saya percaya, kita boleh meneroka kerjasama yang lebih banyak pada masa hadapan dengan potensi besar yang ada, bukan sahaja dalam bidang kejuruteraan malah bidang lain juga", tambahnya lagi.



Ketua delegasi Chiang Mai University (CMU), Prof. Madya Dr. Juggapong Natwichai berkata, USM mempunyai kekuatannya tersendiri terutamanya dalam bidang kejuruteraan.

"Saya lihat hasil daripada lawatan ini banyak persamaan antara USM dan CMU yang boleh memberi laluan kerjasama bukan sahaja dalam pemindahan ilmu malah juga dalam pertukaran pelajar, pertukaran staf dan penyelidik bersama," katanya.

“Sebagai langkah pertama, kami akan bawa perkara ini ke peringkat atasan universiti supaya ia dapat diteruskan dalam bentuk pelaksanaan,” jelasnya.

Tambahnya, lawatan ini dapat memberi pendedahan kepada mereka yang baru sahaja ingin menawarkan pengajian dalam bidang kejuruteraan Aeroangkasa.



Dalam hubungan itu, Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Aeroangkasa, Profesor Ir. Dr. Mohd Zulkifly Abdullah dan Timbalan Dekan, Siswazah dan Penyelidikan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Aeroangkasa, Dr. Farzad Ismail turut bersedia memberi khidmat nasihat dalam hal-hal berkaitan untuk membangunkan kejuruteraan Aeroangkasa di Universiti tersebut.

Antara persetujuan awal, kedua-dua institusi bersetuju untuk mempromosi dan membangunkan kerjasama akademik seperti pertukaran kakitangan, mahasiswa dan pelajar siswazah, pembangunan staf, profesor kunjungan, pelaksanaan projek-projek penyelidikan bersama, penyediaan kuliah dan seminar, pertukaran data atau bahan-bahan penyelidikan dan maklumat akademik serta projek-projek lain yang memberi manfaat bersama.



Delegasi turut dibawa melawat ke makmal-makmal penyelidikan di Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam, Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik, Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dan Pusat Pengajian Kejuruteraan Aeroangkasa termasuk Makmal Terowong Angin di Pusat Penyelidikan Sains dan Kejuruteraan (SERC).

Teks: Mohd Kamil Ashar / Foto: Bani Faidzzainami Baniyamin



Share This

**Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre**

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my](mailto:pro@usm.my) (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015